

**SOALAN NO: 159**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG  
[TANJONG PIAI]  
TARIKH :  
SOALAN : 159**

**YB Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian sedang mengusahakan tindakan untuk menangani masalah stigma mengenai masalah kesihatan mental seperti kemurungan, bipolar disorder dan schizophrenia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan tahap kesedaran kesihatan kepada rakyat Malaysia dan memberi panduan kepada mereka untuk menangani stigma penyakit mental adalah melalui;

- a) Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental yang dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental. Melalui

170

Kempen Cara Hidup Sihat yang memfokuskan kepada menangani stres kerana stres yang berterusan dan tidak dapat ditangani akan menyebabkan kemurungan.

- b) Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental meliputi kem-kem kesihatan; pameran; ceramah, dialog dan forum. Risalah dan poster berkaitan kesihatan mental dan penyakit mental juga diedarkan melalui klinik-klinik kesihatan. Kementerian juga mewujudkan laman web Portal MyHealth [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my). yang memuatkan maklumat tepat tentang topik-topik kesihatan mental.
- c) Sambutan hari Kesihatan Sedunia tahun ini telah bertemakan 'Depression Let's Talk' atau 'Kemurungan Mari Berbincang' telah mempromosikan kepentingan kemurungan dan cara-cara mengenalpasti simptom kemurungan serta keperluan untuk mendapatkan bantuan. Kempen promosi ini diharap dapat mengurangkan stigma bagi sesiapa untuk mendapatkan bantuan atau rawatan mengatasi kemurungan. Sambutan Hari Kesihatan Sedunia ini akan juga dijalankan secara promosi melalui media, pameran; ceramah, dialog dan forum pada peringkat komuniti.
- d) Bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stres di kalangan komuniti serta mengurangkan stigma, usaha-usaha mempromosikan kesihatan mental dan mencegah penyakit mental dilaksanakan melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerikasaan komuniti di mana elemen menangani stres dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam KOSPEN.

- e) Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Program Menangani Stres di Tempat Kerja melalui KOSPEN PLUS bagi membantu warga kerja untuk menangani stress
  
- f) Kementerian Kesihatan telah menubuhkan satu Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental semenjak tahun 2011 yang dianggotai oleh pakar-pakar kesihatan mental dan pertubuhan NGO bagi merancang dan menentukan halatuju Program Promosi Kesihatan Mental selari dengan polisi atau dasar yang telah ditetapkan bagi mengurangkan stigma terhadap penyakit mental.